

20 MAY 2002

Badminton-Siti Hasmah

KEKALAHAN KEPADA INDONESIA MENGECEWAKAN, KATA DR SITI HASMAH

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Penaung Persatuan Badminton Malaysia, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kecewa dengan kegagalan pasukan badminton negara merampas Piala Thomas apabila kecundang 2-3 kepada Indonesia pada perlawanan akhir di Guangzhou, China semalam.

"Kekalahan ini memang agak mengecewakan dan nasib tidak menyebelahi kita," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini hari ini.

Dr Siti Hasmah, isteri kepada Perdana Menteri, sebelum itu mengucapkan selamat jalan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Jepun untuk lawatan kerja dua hari sebelum meneruskan kunjungan ke Korea Selatan, Rabu ini.

Dr Siti Hasmah bagaimanapun tetap berpuas hati dengan kejayaan pasukan negara memasuki perlawanan akhir setelah menewaskan tuan rumah China 3-1 pada perlawanan separuh akhir Khamis lepas.

"Kemenangan ke atas China adalah satu kejayaan, dan memasuki perlawanan akhir adalah bonus," katanya.

Sasaran awal pasukan negara dalam kejohanan itu sebelum ini ialah mara ke perlawanan separuh akhir.

Pada pertandingan akhir semalam, pasukan badminton negara tewas 2-3 kepada musuh tradisinya, Indonesia dalam pertandingan yang sengit.

Malaysia pernah menjuarai Piala Thomas sebanyak lima kali dengan kali terakhir menjulang piala keagungan dunia badminton itu pada 1992 di Stadium Negara, Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

RZS HK LAT